

Bekalan air: Kerajaan belum tentukan

MELAKA 31 Mei — Kerajaan Persekutuan masih belum menentukan apakah ia akan mengambil sepenuhnya pengurusan bekalan air di seluruh negara atau hanya bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Walaupun begitu, Perdana Menteri menjelaskan, Kerajaan Persekutuan berpendapat ia harus memainkan peranan yang lebih besar dalam hal pentadbiran air.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan perhimpunan Hari Belia Negara di Stadium Kubu di sini, beliau berkata, "kita berpendapat kita akan memainkan peranan yang lebih besar selepas ini."

Hasil

Ditanya sama ada kerajaan-kerajaan negeri akan dibenar untuk terus mengutip hasil daripada pembekalan air jika Kerajaan Persekutuan mengambil sepenuhnya pengurusan, beliau menjelaskan, perkara itu juga akan dibincangkan kelak.

Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Dato' Wan Abdul Rahman Yaakob baru-baru ini menyatakan bahawa jabatannya telah menyiapkan kertas cadangan mengenai langkah Kerajaan Persekutuan itu untuk dikemukakan kepada kabinet.

Menyentuh projek penyaluran bekalan air dari Sungai Muar ke Melaka, beliau berkata, projek itu telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan kini sedang dalam proses pelaksanaan.

Menurutnya, kerajaan bersetuju agar projek itu dilaksanakan menerusi tender secara runtingan.